

13 APR 2000

Mahathir-Usul

G-77 BERI PENGHORMATAN KEPADA DR MAHATHIR KEMUKA USUL

Oleh: E.Sivabalan

HAVANA, 13 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah diberi penghormatan untuk membentangkan usul bagi memberi kuasa kepada pengerusi Kumpulan 77 (G-77) mengemukakan dan membincangkan dengan Kumpulan Tujuh Negara Maju (G-7) hasil perbincangan Sidang Kemuncak Selatan yang sedang berlangsung di sini.

Perdana Menteri berkata ia hanya merupakan cadangan dan beliau tidak pasti jika ia boleh dilaksanakan.

"Kita hendak supaya sebarang keputusan yang melibatkan seluruh dunia, yang membabitkan kita hendaklah dipastikan wakil kita ada sama supaya kita juga dapat tahu dan beri pandangan kita," kata Dr Mahathir kepada wartawan Malaysia ketika ditanya apakah harapan Malaysia daripada G-7.

Ditanya bagaimana seriusnya G-7 menerima pandangan dan kebimbangan negara-negara membangun, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu.

"Ini adalah pengalaman pertama bagi kita untuk membuat cadangan.

"Tetapi sama ada kita berpeluang atau tidak, itu perkara lain," kata Dr Mahathir.

Sementara itu Dr Mahathir berkata beliau gembira dengan cara sidang kemuncak itu dijalankan dan isu-isu yang dibentangkan.

Perdana Menteri berkata para pemimpin yang menghadiri sidang berkenaan bersetuju dengan pandangan dan kebimbangan yang dikemukakan oleh Presiden Cuba Fidel Castro dalam ucapannya pada pembukaan sidang kemuncak terbabit.

"Saya nampak bahawa dia menyatakan masalah yang dihadapi oleh negara membangun dan kita semua setuju dengan pendapat itu," kata Dr Mahathir.

Sebelum itu ketika memberi taklimat kepada wartawan Malaysia keputusan hari pertama sidang kemuncak itu lewat semalam, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata perdana menteri akan membentangkan usul itu pada hari kedua dan terakhir sidang kemuncak itu esok.

"Dr Mahathir perlu mendapatkan dahulu pengesahan daripada sidang pleno," katanya.

Sidang kemuncak itu dihadiri lebih 60 pemimpin negara-negara anggota G-77. Kumpulan itu yang ditubuhkan pada 1964, kini mempunyai 133 negara anggota termasuk China.

Syed Hamid berkata Presiden Nigeria Olusegun Obasanjo yang juga pengerusi G-77, akan menulis secara rasmi kepada Jepun selaku tuan rumah mesyuarat G-7 di Tokyo Jun ini, untuk memberitahunya mengenai hasil sidang kemuncak G-77.

G-7 mengandungi Perancis, Amerika Syarikat, Britain, Jerman, Jepun, Itali dan Kanada, serta juga Rusia.

Syed Hamid berkata keputusan supaya Dr Mahathir membentangkan usul itu dicadangkan oleh Nigeria.

"Mereka mahukan seorang yang dihormati mengemukakan usul itu dan mereka memilih Dr Mahathir," katanya.

Syed Hamid berkata jika usul itu mendapat sokongan meluas daripada negara-negara G-77, ia akan membuktikan bahawa negara-negara anggotanya bersatu.

Selain menulis kepada Jepun, pengerusi G-77 juga boleh menghadiri mesyuarat G-7 bagi pihak negara-negara membangun untuk menyatakan pendapat atau kebimbangan mereka terhadap isu-isu seperti globalisasi dan sistem kewangan antarabangsa yang perlu disusun semula.

Mesyuarat G-7 di Tokyo dijangka membuat keputusan bagi mengatasi masalah-masalah mendesak atau yang dapat mengubah orde antarabangsa termasuk isu menyusun semula sistem kewangan antarabangsa.

Malaysia telah mendesak supaya diwujudkan satu susunan baru sistem kewangan antarabangsa agar negara-negara Selatan akan turut mendapat manfaatnya.

Mengenai sambutan kepada ucapan Dr Mahathir pada sidang kemuncak itu, Syed Hamid berkata ianya diterima baik.

"Banyak pemimpin memuji Dr Mahathir kerana pendekatan beliau yang berani, berterus terang dan pragmatik," katanya.

Dr Mahathir telah berkata, antara lain, bahawa globalisasi seharusnya memberi tumpuan kepada hasil dan bukan kaedahnya.

"Ucapan Dr Mahathir telah memberi perspektif sebenar kepada globalisasi," kata syed Hamid.

Hari ini, Perdana Menteri mengadakan perbincangan dengan Presiden Namibia Dr Sam Nujoma.

-- BERNAMA

ES MAI LAT